

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 10/04/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : RM200 juta bantu usahawan mikro

RM200 juta bantu usahawan mikro

SHAH ALAM - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional akan menyalurkan sebanyak RM200 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Tambahan (Rakyat Prihatin PKS) kepada usahawan mikro yang terjejas akibat wabak coronavirus.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, TEKUN Nasional telahpun mewujudkan Skim Pembiayaan Pemulihan



WAN JUNAIDI

Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) bagi menyalurkan peruntukan RM200 juta itu.

Menurutnya, seramai 33,000 usahawan mikro disasarkan mendapat manfaat daripada skim CBRM dengan maksimum pembiayaan sehingga RM10,000.

“Skim CBRM terbuka kepada semua sektor niaga dengan tempoh bayaran balik maksimum sehingga tiga tahun,” katanya dalam kenyataan semalam.

Permohonan boleh dibuat melalui <https://tinyurl.com/PermohonanCBRM> atau layari www.tekun.gov.my.